

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 7 ( 8 )

28 Januari 2020  
3 Jamadilakhir 1441

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 4/2020

### **PENANGGUHAN SEMUA AKTIVITI DAN PERJALANAN KE NEGARA CHINA BERIKUTAN PENGAWALAN PENYEBARAN JANGKITAN NOVEL KORONAVIRUS 2019 (2019-nCoV)**

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sentiasa prihatin terhadap sebarang risiko ancaman penyebaran jangkitan terutamanya sejak timbul kes jangkitan Novel Koronavirus 2019 (2019-nCoV) di negara China baru-baru ini.

2. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk mengadakan sebarang aktiviti, lawatan dan perjalanan ke negara China sama ada bagi urusan rasmi atau persendirian bagi mengelakkan penyebaran jangkitan virus berkenaan.

3. Pekeliling ini **berkuat kuasa serta-merta sehingga tempoh yang akan dimaklumkan**. Keputusan ini dibuat setelah mengambil kira perkembangan terkini kes jangkitan Novel Koronavirus 2019 (2019-nCoV) di negara China. Maklumat lanjut berhubung pekeling ini boleh dirujuk kepada Seksyen Korporat, Pejabat Pendaftar, Jabatan Pendaftar, Universiti Teknologi Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”**

Saya yang menjalankan amanah,



(ABDUL RAZIB BIN HJ. SHAHUDDIN)  
Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
  - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
  - Pengarah Pusat Penyelidikan - Kampus Pagoh
  - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah